

25 APR 1996

Parlimen - Perlembagaan

TAMBAHAN KERUSI PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK LULUS

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini meluluskan pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan tambahan satu lagi kerusi Parlimen dan enam kerusi Dewan Undangan Negeri bagi negeri Sarawak dengan 141 undi menyokong, tujuh menolak dan tiada yang berkecuali.

Kelulusan itu bermakna Sarawak kini mempunyai 28 kerusi Parlimen dan 62 kerusi Dewan Undangan Negeri, sekaligus membuka jalan kepada pilihan raya negeri itu diadakan pada bila-bila masa dari sekarang sebelum penggal yang ada tamat hujung tahun ini.

Ini juga bermakna Malaysia kini mempunyai 193 kerusi Parlimen dan 504 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Pindaan yang dicadangkan kepada Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan itu berikutan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya negeri Sarawak bermula 7 Sept tahun lepas dan selesai pada 6 Mac lepas.

Usul Perintah Persempadanan itu dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha pada 11 April lepas dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada hari yang sama selepas dibahaskan.

Oktober tahun lepas, Dewan Undangan Negeri Sarawak telah meminda Fasal 2 Perkara 14 Perlembagaan Negeri yang memperlihatkan tambahan enam kerusi Dewan Undangan Negeri -- Samariang, Kedup, Nangka, Jepak, Senadin dan Ba'Kelalan -- kesemuanya dalam kawasan Parlimen Mambung yang baru dibentuk.

Bagaimanapun, pindaan itu hanya boleh berkuatkuasa selepas Perintah Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya bagi Negeri Sarawak dan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dikuatkuasakan.

Ketika membentangkan cadangan pindaan itu, Abang Abu Bakar berkata, walaupun bilangan pengundi di Sarawak meningkat sebanyak 34.62 peratus, daripada 607,232 orang pada 1987 kepada 817,460 orang tahun lepas, ini tidak bermakna tambahan jumlah kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri juga perlu mengikut pertambahan bilangan pengundi.

"Jika ini dilakukan maka akan berlaku suatu keadaan apabila terdapat terlampau ramai ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri dan keadaan ini akan membebankan kewangan negara dan negeri tanpa membawa faedah yang nyata," katanya.

Kesemua tujuh anggota Dewan Rakyat -- lima daripadanya dari Sarawak -- yang membahaskan pindaan itu hari ini berpendapat 28 kerusi Parlimen bagi negeri berkenaan tidak mencukupi memandangkan keluasannya yang hampir sama besar dengan Semenanjung.

Robert Lau Hoi Chew (BN-Sibu) berkata, saiz Sarawak yang hampir sebesar Semenanjung Malaysia (tanpa Perlis) manakala kerusi-kerusi Parlimennya pula setiap satu hampir sama besar dengan sebuah negeri di Semenanjung sepatutnya mendapat lebih banyak kerusi Parlimen.

"Tetapi Sarawak hanya mendapat 28 kerusi Parlimen atau 14.5 peratus daripada 193 kerusi Parlimen di seluruh negara," katanya.

Jimmy Donald (BN-Sri Aman) pula berkata, setiap anggota Parlimen dari Sarawak terpaksa meliputi kawasan yang amat luas berbanding rakan-rakan mereka dari negeri lain.

Chiew Chiu Sing (DAP-Bintulu) berkata, adalah tidak adil bagi Sabah dan Sarawak yang lebih besar dari negeri-negeri lain di Semenanjung hanya mendapat 21 dan 28 kerusi Parlimen sedangkan Semenanjung pada keseluruhannya mendapat 144.

Joseph Mauh Ikeh (BN-Selangau) pula berkata, saiz kawasan Parlimen terbesar di Sarawak, iaitu Hulu Rajang (31,817 km persegi) adalah sama besar dengan Kelantan, diikuti Baram (18,924 km persegi) sama besar dengan Pahang manakala Selangau (9,041 km persegi) sama besar dengan Perak.

Richard Riot Jaem (BN-Serian) berkata, pertambahan sebanyak 34.62 peratus pengundi atau 210,228 pemilih dalam tempoh lapan tahun lalu sepatutnya melayakkan Sarawak mendapat tambahan lebih banyak kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) mempersoalkan kelewatan Suruhanjaya Pilihan Raya yang sampai sekarang masih belum mengemukakan cadangan pindaan kepada Akta Pilihanraya walaupun perkara itu banyak diperkatakan selepas pilihan raya umum tahun lepas termasuk oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Karpal Singh (DAP-Jelutong) pula mahukan pertambahan kerusi Parlimen di Sarawak diiringi dengan kemasukan anggota yang berkualiti berbanding dengan yang ada sekarang.

Ketika menggulung perbahasan, Abang Abu Bakar berkata, walaupun Sarawak sama besar dengan Semenanjung Malaysia (tanpa Perlis), bilangan pengundinya hanya hampir sama banyak dengan Kedah yang mendapat 15 kerusi Parlimen sahaja.

Katanya, Perak pula yang mempunyai lebih sejuta pengundi hanya mendapat 23 kerusi Parlimen berbanding 28 untuk Sarawak.

"Saya berpendapat pertambahan satu kerusi Parlimen itu sudah berpatutan selepas mengambil kira keluasan kawasan dan kesukaran yang terdapat di Sarawak. Kita telah lihat betapa adilnya SPR dalam menjalankan tugas tetapi sudah pasti mereka tidak dapat memenuhi kehendak semua orang," katanya. -- Bernama.

AH AHH